

**BN Kedah yakin terima sokongan pengundi atas pagar
Utusan Online
Januari 24, 2012**

ALOR SETAR 23 Jan. - Barisan Nasional (BN) Kedah yakin bakal menerima sokongan daripada pengundi 'atas pagar' yang kini dilihat memihak kepada parti itu untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Pengerusinya, Datuk Ahmad Bashah Md. Hanipah berkata, pengundi 'atas pagar' itu kebanyakannya terdiri daripada pengundi baru dan golongan muda berusia bawah 40 tahun yang bilangannya mencapai 40 peratus daripada jumlah keseluruhan kira-kira sejuta pengundi berdaftar di negeri ini.

Beliau berkata, menerusi pelbagai program yang telah, sedang dan bakal dilaksanakan bagi mendampingi golongan berkenaan, mereka diyakini akan menyokong BN dalam pilihan raya umum akan datang.

"Golongan muda yang menjadi kumpulan 'silent majority' (majoriti senyap) ini mempunyai pemikiran dan pengetahuan yang tidak boleh dipengaruhi dengan mudah. Mereka boleh membuat penilaian sendiri terhadap kemampuan BN atau pembangkang.

"Berdasarkan maklumat dan tinjauan dilakukan, saya mula melihat mereka bersama dengan BN termasuk memberikan maklum balas baik terhadap program yang dianjurkan dan percaya apabila sampai masanya kelak, kumpulan ini akan menyokong kita," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina anjuran Parti Gerakan Kedah yang dihadiri kira-kira 2,000 masyarakat berbilang kaum di Dewan Datuk Syed Omar, di sini hari ini.

Hadir sama memeriahkan sambutan tersebut ialah Pengerusi Gerakan negeri, Dr. Cheah Soon Hai; Pengerusi MCA negeri, Datuk Chong Itt Chew dan pemimpin parti komponen BN Kedah.

Ahmad Bashah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Bakar Bata berkata, semua parti komponen BN khususnya sayap Pemuda dan Puteri diarahkan agar lebih gigih berusaha mendekati para pengundi tersebut menerusi penganjuran program yang menepati cita rasa dan kehendak mereka.

Katanya, kumpulan itu juga perlu diperjelaskan betapa pentingnya kemenangan BN pada pilihan raya umum akan datang demi kesinambungan kejayaan negara dan kesejahteraan rakyat, selain menyedarkan mereka supaya jangan sesekali terpesona dengan dakwah pembangkang.

"BN Kedah akan cuba memenuhi cita rasa golongan muda ini kerana kita sedar apa kehendak dan keperluan mereka," katanya.

Sementara itu, Ahmad Bashah berkata, keyakinan pengundi daripada kalangan keturunan Cina di negeri ini terhadap BN juga semakin meningkat setiap hari dan ia merupakan petanda baik bagi parti itu untuk menawan semula Kedah dalam pilihan raya umum akan datang.

Kata beliau, berdasarkan kepada kehadiran terhadap program-program yang dianjurkan pemimpin BN, jelas mempamerkan orang ramai termasuk masyarakat Cina beralih haluan menyokong kepimpinan parti tersebut.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0124&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_09.htm